

12 MAR 2000

UMNO BERUAS CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

BERUAS, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Beruas hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden bagi pemilihan Umno Mei ini.

Persidangan perwakilan Umno Bahagian Beruas itu juga sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Datuk Abdul Ghani Othman untuk merebut jawatan naib presiden.

Mereka yang dicalonkan oleh bahagian itu bagi kerusi Majlis Tertinggi ialah Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Datuk Aziz Shamsuddin, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Azmi Khalid, Datuk Wira Mohamed Ali Rustam, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Datuk Dr Yusof Nor, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Shariff Omar, Datuk Dr Suleiman Mohamed, Datuk Dr Shafie Salleh, Datuk Adam Hamid, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Maznah Hamid, Datuk Hassan Ariffin, Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, Datuk Railey Haji Jeffrey dan Abdul Azim Mohamed Zabidi.

Mesyuarat itu juga mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai pengerusi tetap dan ketua bahagian Ipoh Timur Datuk Yahya Shafie selaku timbalan pengerusi tetap.

-- BERNAMA

HJ RON